

# Amalan Pengurusan Program Akademik Pentadbir dan Perkembangan Murid Berpencapaian Rendah Akademik di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

Muhammad Rahawaluddin Bin Ismail<sup>1</sup>

Corresponding Author: Bity Salwana Alias<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>1</sup> [umar294@yahoo.com](mailto:umar294@yahoo.com)

<sup>2</sup> [bity@ukm.edu.my](mailto:bity@ukm.edu.my)

## Abstrak

Kejayaan sesebuah sekolah turut bergantung kepada amalan pentadbir melaksanakan tanggungjawab sebagai pengurus sekolah dan sebagai pemimpin pengajaran. Justeru kajian ini bertujuan mengkaji tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir dan perkembangan murid berpencapaian rendah akademik di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan hubungan antara kedua-duanya. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Kajian melibatkan seramai 207 orang responden daripada 521 populasi guru SABK di Negeri Sembilan. Responden telah menjawab soal selidik dalam talian yang diedarkan secara rawak mudah melalui google form. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences versi 22.0. Analisis deskriptif untuk nilai min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus menentukan tahap kedua-dua pemboleh ubah manakala analisis inferensi untuk nilai  $r$  menentukan hubungan antara kedua-duanya. Dapatan menunjukkan tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir adalah tinggi (min = 4.13). Tahap perkembangan murid berpencapaian rendah juga tinggi dengan min = 3.88. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah dengan nilai  $r = 0.37$ . Selain memberikan kesimpulan bahawa pentadbir tidak mengabaikan program akademik untuk murid berpencapaian rendah akademik, kesimpulan juga dapat dibuat bahawa walaupun berpencapaian rendah untuk akademik, namun secara umumnya terdapat perkembangan yang positif dalam kalangan murid SABK yang dikaji, dan amalan pengurusan program akademik oleh pentadbir ada memberi kesan terhadap perkembangan murid berpencapaian rendah akademik. Hal ini memberikan implikasi bahawa pentadbir sekolah perlu sentiasa melaksanakan program akademik yang bersesuaian dengan tahap murid bagi memastikan murid khususnya yang berpencapaian rendah akademik tidak berasa diabaikan dan masih mempunyai peluang untuk berjaya dalam kehidupan pada masa hadapan. Untuk membolehkan dapatan kajian digeneralisasikan kepada murid SABK di seluruh Malaysia, kajian lanjutan melibatkan SABK di seluruh Malaysia adalah dicadangkan.

**Kata kunci:** Amalan pengurusan program akademik; pentadbir sekolah; perkembangan murid; pencapaian akademik rendah; Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

## Pendahuluan

Pengurusan merupakan perkara yang perlu diberi fokus kerana dapat memastikan organisasi dapat mencapai matlamat yang telah ditentukan lebih awal (Mohd Hanif 2015). Pengurusan yang cekap dan berkesan penting untuk memastikan sesebuah organisasi dapat mencapai matlamatnya. Pengurusan adalah proses merancang, menyusun atur, mengkoordinasi dan mengawal sumber-sumber yang ada agar dapat digunakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi (Fayol 1925). Pengurusan ialah satu proses mengagihkan input organisasi termasuk sumber manusia dan kewangan yang melibatkan proses perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk tujuan mengeluarkan output yang diperlukan oleh pelanggan dan supaya objektif organisasi tercapai (Jaafar 1988). Sebagaimana pandangan George 1958 dalam bukunya *Principles of Management* (dalam Sukarna 2011), pengurusan merangkumi empat proses iaitu merancang, menyusun, melaksana dan mengawal. Semua proses tersebut perlu dikembangkan dan diintegrasikan bagi memastikan pengurusan sekolah yang lebih berkesan (Ahmad Kilani 2003). Organisasi tidak akan berjaya tanpa pengurusan yang cemerlang (Nik Azmah 2007).

Pengurusan organisasi juga merangkumi aktiviti mengurus sumber manusia agar kekal relevan dan berpengetahuan serta berkemahiran bagi melaksana aktiviti yang dirancang secara efektif dan seterusnya membantu organisasi mencapai kejayaan (Mohamad 2016). Pengurusan sumber manusia melibatkan aktiviti memilih dan menghubungkan fakta serta menggunakan andaian mengenai masa depan, mengagihkan kerja kepada individu yang boleh diberi kepercayaan untuk menjalankan tugas, menggunakan strategi yang tepat untuk mendorong anggota organisasi berusaha keras mencapai matlamat organisasi, dan mengawal pelaksanaan aktiviti oleh sumber manusia agar sesuai dengan perancangan (Sukarna 2011). Bustang et al. (2020) menyatakan pengurusan yang baik merupakan nadi yang menghidupkan dan menggerakkan sesebuah organisasi. Kejayaan organisasi bermula apabila setiap individu yang terlibat di dalamnya dapat memahami ruang lingkup tugas masing-masing.

Pengurusan oleh pentadbir sekolah pula merangkumi proses memastikan pelaksanaan aktiviti untuk kejayaan program agar memberi implikasi yang baik kepada murid sebagaimana yang ditetapkan oleh standard pengukuran (Abdul Halim 1999). Tugas pengurusan pentadbir sekolah turut merangkumi aktiviti merancang dan memimpin orang bawahan melakukan perubahan setelah melakukan aktiviti mengesan, menyusun dan menyelesaikan masalah yang dihadapi di sekolah (Bustang et al. 2020). Kecemerlangan sekolah sememangnya banyak ditentukan oleh pelaksanaan program yang dirancang. Oleh itu kejayaan sesebuah sekolah berkait rapat dengan kepemimpinan sekolah dan komitmen guru (Yaakob dan Yahya 2012). Murid sebagai modal insan perlu dididik secara seimbang dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bermula dari semasa mereka di sekolah rendah sehinggalah mereka berada di peringkat tertiar agar mereka mampu menjadi pelapis kepada pemimpin negara pada masa akan datang.

Kejayaan pelajar yang tinggi pencapaian akademik sama ada di dalam mahupun di luar negara sering diraikan termasuklah mereka yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Namun, murid yang berpencapaian rendah akademik agak kurang diberi perhatian. Ini termasuklah dalam pelaksanaan program akademik di sekolah (Christina Andin, Rosmiza Mohd Zainol, Wong Hock Chuo, 2019). Justeru, menjadi tanggungjawab

pentadbir sekolah untuk membetulkan perkara ini dengan menyediakan program yang khusus kepada murid berprestasi rendah akademik agar golongan ini tidak terpinggir dalam arus kemajuan pendidikan yang diwarnai dengan pelbagai perubahan terkini dan teknologi maklumat yang serba canggih. Kecemerlangan sesebuah sekolah sering kali dikaitkan dengan kesungguhan dan kecemerlangan pentadbir sekolah melaksanakan pelan pembangunan pendidikan bersama-sama dengan guru. Namun sejauh mana pentadbir memainkan peranan untuk memastikan sistem pendidikan yang diamalkan di sekolah berupaya melahirkan modal insan atau murid yang cemerlang jasmani, emosi, rohani dan intelektual selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan wawasan negara masih menjadi persoalan (Mohamad Khairi 2017). Kepimpinan dan pendekatan pengurusan pentadbir sekolah seharusnya perlu sentiasa berupaya mempertingkatkan perkembangan murid (Khaliza et al. 2016). Beberapa kajian menunjukkan kualiti kepimpinan pentadbir sekolah seperti pengetua, guru besar dan penolong kanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti kerja guru dan kejayaan sesebuah sekolah. Terdapat juga kajian yang menunjukkan keberkesanan perancangan pentadbir memberi implikasi terhadap pencapaian sekolah khususnya bagi pencapaian akademik murid.

Ibu bapa juga sering kali meletakkan harapan yang tinggi terhadap pentadbiran sesebuah sekolah untuk kecemerlangan akademik anak-anak mereka. Hal ini didorong oleh keyakinan ibu bapa bahawa kecemerlangan akademik atau keputusan peperiksaan yang baik akan memudahkan anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke universiti dan seterusnya mempunyai peluang yang cerah untuk mendapat pekerjaan yang baik (Barni 2017). Sarjana seperti Jahidin (2018) juga beranggapan bahawa seorang murid yang cemerlang dalam bidang akademik secara khususnya mempunyai peluang yang lebih baik untuk pendidikan yang lebih tinggi. Rentetan daripada itu, ramai ibu bapa yang berlumba-lumba mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah yang dianggap cemerlang. Kesenambungannya, pelajar yang memperoleh pendidikan tinggi mendapat mobiliti sosial secara menegak kerana hakikatnya kelulusan akademik mempunyai korelasi yang tinggi dengan pendapatan dan taraf hidup seseorang (Abudin 2016).

Hakikatnya, pandangan yang mengaitkan kejayaan anak-anak dengan pentadbiran sesebuah sekolah bukan hanya oleh sebilangan ibu bapa tetapi oleh seluruh masyarakat. Perkara ini seharusnya memberi kesedaran kepada pentadbir sekolah bahawa mereka perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Fokus mereka juga sepatutnya bukan hanya kepada murid yang tinggi pencapaian akademik tetapi juga kepada murid yang rendah pencapaian akademik (Baharudin Nayan 2015). Golongan pentadbir seharusnya berkebolehan tinggi melaksanakan pengurusan yang cemerlang dan adil untuk sumber manusia dan murid. Pentadbir perlu bijak mengintegrasikan sumber manusia, kurikulum, kewangan dan prasarana untuk manfaat semua murid (Baharudin dan Nayan 2015). Pentadbir perlu memastikan semua guru dan kakitangan di sekolah sentiasa bersedia melaksanakan tugas secara profesional dan memberi sepenuh komitmen untuk mencungkil potensi setiap murid. Kepakaran setiap individu guru dan staf sokongan perlu diguna pakai dan diiktiraf dengan sebaiknya. Murid yang tinggi pencapaian akademik perlu diurus agar kekal cemerlang dan dalam masa yang sama murid yang rendah pencapaian akademik dibantu untuk ditingkatkan pencapaian mereka sama ada dalam akademik, sahsiah mahupun ko-kurikulum.

Guru pula perlu diberi peluang mendapat latihan profesional yang diperlukan agar mereka berupaya mengurus murid pelbagai tahap kecerdasan dengan sebaiknya (Kaviza

2018). Pentadbir perlu mempunyai kecenderungan untuk membawa perubahan sosial yang positif, mengenal pasti kontroversi dan konflik yang timbul untuk diselesaikan dan mengambil pendekatan strategik bagi menangani isu dan permasalahan yang mengekang keberkesanan pentadbiran sekolah termasuklah bagi menangani murid bermasalah (Esmali 2017; Kasim 2017). Dalam apa situai pun, perkara yang tidak boleh diabaikan adalah sikap adil iaitu memberi perhatian sama rata terhadap murid sama ada yang berprestasi tinggi akademik mahupun yang rendah pencapaian akademik.

Usaha mengurangkan jurang pencapaian antara murid berprestasi tinggi akademik dan berprestasi rendah akademik perlu diberi perhatian serius oleh pentadbir sekolah (Norashikin et al. 2017). Hal ini kerana, amalan kepimpinan pentadbir dan pencapaian akademik pelajar adalah signifikan untuk mencapai matlamat reformasi sekolah dan negara. Justeru usaha meningkatkan pencapaian murid yang berprestasi rendah akademik perlu dilakukan (Norashikin et al. 2017). Terdapat kajian yang menunjukkan pentadbir masih belum mampu meningkatkan prestasi akademik khususnya bagi golongan murid berprestasi rendah dan sederhana (Sebastian dan Allensworth 2012). Menurut Sebastian dan Allensworth (2012) lagi, kemampuan pengurusan pentadbir sekolah perlu diseimbangi antara tugas pentadbiran dan kokurikulum sehingga wujud sebilangan murid yang terpinggir dari segi akademik.

Kajian yang memberi fokus terhadap pengurusan program akademik pentadbir dan perkembangan pelajar berprestasi rendah akademik masih lagi terhad dan mempunyai dapatan yang berbeza-beza (Norashikin 2016). Hakikatnya, pelajar berprestasi rendah akademik dipengaruhi bukan sahaja dipengaruhi oleh ketidakupayaan pentadbir merancang strategi, tetapi juga kerana ketidakupayaan guru menyampaikan ilmu serta faktor dalaman pelajar sendiri (Khalip dan Nee Ngie Seng 2017; Norashikin 2016; Valeeva et al. 2016). Pelbagai usaha juga telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu meningkatkan murid berprestasi rendah akademik. Isu murid berprestasi rendah akademik juga wujud di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini adalah mengkaji tahap amalan pengurusan program akademik pentadbir dan kesannya terhadap perkembangan murid berprestasi rendah akademik di SABK. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah (1) mengenal pasti tahap amalan pengurusan program akademik pentadbir di SABK, (2) mengenal pasti tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik di SABK dan (3) menguji hubungan antara tahap amalan pengurusan program akademik pentadbir dengan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik di SABK. Sesuai dengan objektif tersebut, persoalan bagi kajian ini ialah:

1. Apakah tahap amalan pengurusan program akademik pentadbir di SABK?
2. Apakah tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik di SABK?
3. Adakah terdapat hubungan antara amalan pengurusan program akademik pentadbir dan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik di SABK?

Berdasarkan persoalan kajian di atas, satu hipotesis nul,  $H_0$  telah dibina, iaitu “tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan program akademik pentadbir dan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik di SABK”.

Antara kepentingan kajian ini ialah implikasinya terhadap teori amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir termasuk dalam aspek perancangan,

pengorganisasian, pelaksanaan dan penilaian. Kajian turut mempunyai implikasi terhadap aspek yang perlu diberi fokus dalam latihan kepada pentadbir dan guru agar mereka dapat meningkatkan kemampuan menangani murid berprestasi rendah akademik dan seterusnya meningkatkan prestasi akademik murid berprestasi rendah. Implikasi kepada amalan pengurusan bagi pentadbir sekolah pula ialah agar dapat meningkatkan kecekapan dalam amalan pengurusan dan mengoptimumkan penggunaan sumber sama ada semasa merancang, mengorganisasi, melaksana mahupun semasa menilai keberkesanan program akademik. Implikasi kepada dasar pendidikan pula ialah hasil kajian ini memberi input kepada penggubal dan pemutus dasar dalam membuat keputusan bagi hal-hal yang menyentuh murid berprestasi rendah akademik.

## **Sorotan Literatur**

Menurut Omardin Ashaari (2002), pengurusan yang baik merupakan nadi yang menghidupkan dan menggerakkan sesebuah organisasi. Standard Guru Malaysia menekankan kepada aspek amalan nilai berlandaskan budaya cemerlang kepada pentadbir sekolah yang meliputi tiga domain utama iaitu (1) domain diri, (2) domain profesion dan (3) domain sosial (Idris dan Hamzah 2012). Amalan budaya cemerlang diharapkan dapat memastikan kejayaan kepada setiap murid di sekolah. Dari sudut yang lain pula, Kementerian cuba memastikan setiap sekolah, tanpa mengira lokasi dan tahap prestasi, mempunyai pengetua atau guru besar dan pasukan kepimpinan sokongan yang berkualiti tinggi untuk menyediakan kepimpinan pendidikan dan memacu prestasi sekolah secara keseluruhan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Pengurusan oleh pentadbir sekolah yang cekap menyumbang kepada prestasi pembelajaran dan perkembangan pelajar (Hailan et al. 2020). Terdapat beberapa faktor organisasi sekolah menjadi cemerlang. Antaranya ciri profesional pemimpin, pengurus atau pentadbirnya, perkongsian misi dan matlamat, pembudayaan pembelajaran, tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran, pengajaran bermatlamat, pengharapan yang tinggi, pengukuhan positif, pemantauan terhadap perkembangan pelajar, mengetahui hak dan tanggungjawab murid, pemuafakatan antara rumah dan sekolah serta organisasi pembelajaran yang sistematik (Rosnah dan Muhammad Faizal 2013).

Pentadbiran yang cekap tidak akan mampu melahirkan murid yang cemerlang jika guru yang melaksanakan pengajaran tidak memiliki kesungguhan (Khaliza et al. 2016). Guru merupakan entiti yang penting dalam usaha melahirkan murid yang cemerlang dan seimbang (Wan Zahid 1994). Gabungan pentadbir dan guru yang cekap dan berkesan akan melahirkan murid yang cemerlang, namun tidak dapat dinafikan di sekolah terdapat sebilangan murid yang memberikan cabaran kepada pentadbir dan guru dengan tahap kecemerlangan akademik yang rendah dan mungkin berpotensi untuk gagal dalam peperiksaan sekiranya tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak sekolah (Mohamad Khairi et al. 2017).

### **Teori Pengurusan**

Teori pengurusan oleh Stoner, Freeman dan Gilbert (1995) telah dirujuk dalam menjalankan kajian ini. Menurut teori tersebut, pengurusan melibatkan proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal kerja yang dilaksanakan oleh ahli organisasi agar matlamat organisasi yang telah ditetapkan terlebih awal dapat dicapai. Aktiviti pengurusan sekolah yang termasuk juga mengurus perubahan memerlukan tindakan yang penuh teliti.

Pentadbir yang bijak seharusnya dapat mengesan, menyusun dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan cara yang berhikmah termasuklah yang melibatkan murid berprestasi rendah akademik.

### **Teori Minat**

Minat adalah kecenderungan untuk melakukan sesuatu tingkah laku yang berorientasikan kepada objek, aktiviti atau pengalaman (Eysenck et al. 1972). Minat adalah kesedaran individu terhadap sesuatu objek, seseorang manusia, atau situasi yang bersangkutan paut dengan dirinya. Tanpa kesedaran individu terhadap perkara tersebut, minat tidak akan timbul (Witherington 1986). Pendapat ini disokong oleh Setiadi (1983) yang menyatakan bahawa minat adalah aktiviti psikik manusia yang menyebabkan individu memperhatikan sesuatu objek yang kemudiannya akan diikuti oleh kecenderungan untuk mendekati objek tersebut dengan senang hati.

Menurut Nugroho (1982), minat adalah rasa ingin memiliki sesuatu atau melakukan sesuatu aktiviti tanpa diminta. Pada dasarnya minat adalah penerimaan hubungan antara diri sendiri dan sesuatu di luar diri. Semakin kuat hubungan, maka semakin besar minatnya. Minat juga dilihat sebagai kecenderungan yang ada pada diri seseorang individu untuk tertarik kepada sesuatu objek (Suryabrata 1988). Kartikawati (1995) menyatakan bahawa minat adalah sikap yang membuat individu berasa senang terhadap sesuatu objek, situasi atau idea tertentu sehingga individu berusaha mendapatkan objek yang mereka sukai dan menarik perhatian. Keinginan untuk mendapatkan objek yang menarik perhatiannya akan mempengaruhi perhatian seseorang sehingga seluruh fokus diberi terhadap objek yang diminatinya. Minat akan menyebabkan seseorang memperhatikan orang, kes dan aktiviti tertentu (Killis 1986). Walgito (1981) pula berpandangan, minat adalah suatu keadaan di mana seseorang memperhatikan sesuatu yang disertai dengan keinginan untuk mengetahui, mempelajari dan mendalami sesuatu dengan lebih dekat.

Sukirin (1986) dan Slameto (1988) menyatakan minat adalah kecenderungan seseorang untuk tertarik, suka dan mementingkan sesuatu objek atau aktiviti. Contohnya, seseorang yang berminat terhadap sesuatu pekerjaan akan berasa senang hati melakukan pekerjaan tersebut. Pendapat ini disokong oleh As'ad (1995) yang menyatakan bahawa minat adalah sumber motivasi yang akan mengarahkan tindakan seseorang. Woodward dan Marquis (1957) menyatakan bahawa jika seseorang berminat dengan sesuatu, maka minat itu berfungsi sebagai insentif kuat untuk terlibat secara aktif dengan apa yang diminatinya. Minat juga dapat membantu seseorang membuat keputusan untuk melakukan sesuatu aktiviti (Crow dan Crow 1988).

## **Metodologi Kajian**

### **Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian adalah tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif. rekabentuk ini dipilih kerana data dapat dikendalikan dengan efisien dan maklumat dapat diperolehi dengan cepat serta data dapat diperihalkan mengikut soalan kajian yang ingin diselesaikan (Creswell 2014). Reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif dipilih kerana kajian ini perlu mengutip data kuantitatif yang akan dianalisis secara deskriptif bagi menentukan tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir serta bagi menentukan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik. Data kuantitatif juga perlu bagi analisis inferensi untuk menentukan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah.

## Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Negeri Sembilan. Populasi kajian ialah 207 orang guru daripada 16 buah SABK. Berdasarkan saranan Krejcie dan Morgan (1970), seramai 207 orang guru telah dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel secara rawak mudah digunakan dalam kajian ini dimana setiap individu dalam populasi berpeluang dipilih sebagai responden bagi mewakili populasi (Fuad 2017). Sampel yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi serta sesuai untuk menjadi responden kajian (Fuad 2017; Noraini 2013).

## Instrumen

Kajian ini menggunakan satu set instrumen soal selidik yang diadaptasi dan dimodifikasi daripada kajian terdahulu. Soal selidik mengandungi tiga bahagian utama iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A mempunyai enam soalan berkenaan demografi responden, Bahagian B mempunyai 39 item untuk mengukur tahap pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir berdasarkan empat domain iaitu merancang, menyusun atur, melaksana, dan mengawal. Bahagian C mempunyai 25 item yang bertujuan mengukur perkembangan murid dalam 3 domain iaitu domain kognitif, afektif dan kemahiran komunikasi. Skala Likert lima aras iaitu (1) sebagai Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju digunakan dalam soal selidik untuk mendapatkan data bagi menentukan tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir manakala bagi menentukan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik, skala Likert lima aras yang digunakan ialah (1) sebagai Sangat Tidak Bersetuju, (2) sebagai Tidak Bersetuju, (3) sebagai Tidak Pasti, (4) sebagai Setuju dan (5) sebagai Sangat Setuju.

Bagi tujuan kesahan, langkah pertama ialah soal selidik disemak oleh penyelia. Seterusnya soal selidik telah diserahkan kepada tiga orang pakar untuk mendapatkan kesahan kandungan. Proses seterusnya ialah kesahan muka melibatkan rakan-rakan sepengajian yang juga merupakan guru bagi tujuan memastikan soalan boleh difahami dan sesuai dengan aras guru. Soal selidik kemudiannya dirintiskan bagi tujuan mendapatkan data untuk tujuan kebolehpercayaan. Instrumen kajian yang digunakan mempunyai konsistensi atau ketekalan dalaman, di mana setiap item mempunyai skor hubungan berkait antara satu sama lain (Creswell 2014). Kebolehpercayaan iaitu ketekalan instrumen kajian adalah ditentukan berdasarkan nilai pekali alpha ( $\alpha$ ) Cronbach (Creswell 2014). Nilai pekali  $\alpha$  Cronbach terdiri dari nilai 0 hingga nilai 1. Nilai koefisien yang semakin hampir dengan 1 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi. Nilai  $\alpha$  yang diterima oleh kebanyakan pengkaji ialah sekurang-kurangnya 0.70. Walau bagaimanapun, nilai  $\alpha$  boleh direndahkan sehingga 0.60 bagi kajian berbentuk tinjauan (Hair et al. 2006).

Dalam kajian Amalan Pengurusan Program Akademik Pentadbir dan Tahap Perkembangan Murid Berprestasi Rendah Akademik di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Negeri Sembilan ini, aras nilai alfa Cronbach yang melebihi nilai 0.60 ditentukan sebagai nilai minima alfa Cronbach bagi memperakukan kebolehpercayaan item dan instrumen. Hasil analisis untuk instrumen kajian ini memberikan nilai alfa Cronbach melebihi 0.60 bagi semua item, menunjukkan instrumen mencapai tahap kebolehpercayaan yang diperlukan untuk diterima sebagai instrumen kajian (Ghazali dan Sufean 2018).

### **Tatacara Kutipan Data**

Dalam kajian ini, soal selidik diedarkan kepada responden menggunakan google form dan sampel atau responden merupakan guru yang mengajar di SABK yang terpilih sebagai lokasi kajian. Soal selidik yang dimuat naik ke dalam talian, dilengkapkan secara dalam talian dan dikembalikan semula secara dalam talian.

### **Tatacara Analisis Data**

Bagi menentukan “tahap” bagi kedua-dua pemboleh ubah kajian, analisis secara deskriptif yang memberikan nilai min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus telah dibuat. Analisis inferensi yang memberikan nilai kolerasi  $r$  pula telah dibuat bagi menguji hubungan antara tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir dan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik. Analisis deskriptif adalah bagi menjawab persoalan kajian (1) dan (2), manakala analisis inferensi adalah bagi menjawab persoalan (3) iaitu hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Perisian Statistical Program for Sosial Sciences (SPSS) versi 22.0 telah digunakan bagi membuat semua analisis.

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

### **Demografi Responden**

Analisis berdasarkan faktor demografi menunjukkan responden kajian ini terdiri daripada guru lelaki sebanyak 33.5 peratus (69 orang) manakala guru perempuan mendominasi jumlah responden iaitu 66.7 peratus (138 orang). Berdasarkan faktor umur, responden yang berusia antara 36 hingga 40 tahun adalah 24.6 peratus (51 orang), berusia antara 41 hingga 45 tahun sebanyak 17.9 peratus (37 orang), berusia antara 31 hingga 35 tahun sebanyak 15 peratus (31 orang), 14.5 peratus (30 orang) berusia di antara 46 hingga 50 tahun, 8.7 peratus (18 orang) berusia antara 51 hingga 55 tahun, manakala 6.8 peratus (14 orang) berusia antara 56 hingga 60 tahun. Kajian ini juga melibatkan majoriti responden yang mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun iaitu sebanyak 27.5 peratus (57 orang). Responden yang mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun sebanyak 19.3 peratus (40 orang), mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun sebanyak 15.9 peratus (33 orang), pengalaman mengajar antara 21 hingga 25 tahun, 15.9 peratus (33 orang), mempunyai pengalaman mengajar antara 16 hingga 20 tahun sebanyak 14 peratus (29 orang), manakala yang mempunyai pengalaman mengajar antara 26 hingga 30 tahun adalah 7.2 peratus (15 orang). Seterusnya, majoriti responden kajian ini memiliki tahap pendidikan di peringkat Ijazah seramai 162 orang (78.3 peratus), Sarjana seramai 28 orang (13.5 peratus), Diploma seramai 16 orang (7.7 peratus) dan hanya seorang memiliki tahap pendidikan di peringkat Doktor Falsafah iaitu 0.5 peratus. Berdasarkan gred jawatan, kajian ini mempunyai responden yang mempunyai gred jawatan DG 41 iaitu seramai 98 orang (47.3 peratus), gred jawatan DG 42 hanya terdapat 4 orang (1.9 peratus), gred jawatan DG 44 seramai 79 orang (38.2 peratus), gred jawatan DG 48 seramai 16 orang (7.7 peratus), gred jawatan DG 52 seramai 5 orang (2.4 peratus) dan gred jawatan DG 54 seramai 5 orang (2.4 peratus).

### **Dapatan Berdasarkan Pesolan kajian**

Dalam kajian ini skor min bagi tahap pengurusan program akademik dan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik diinterpretasikan berdasarkan Kuebler dan Smith (1976). Skor min  $\geq 4.51$  diinterpretasikan sebagai berada pada tahap

sangat tinggi, 3.51 – 4.50 sebagai pada tahap tinggi, skor min 2.51 – 3.50 diinterpretasikan sebagai pada tahap sederhana, skor min 1.51 – 2.50 pada tahap rendah, manakala skor min  $\leq 1.50$  diinterpretasikan pada tahap sangat rendah.

Keputusan analisis untuk objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir ditunjukkan dalam Jadual 1. Dapatan kajian ini menunjukkan amalan pengurusan program akademik pentadbir berada pada tahap tinggi tetapi bukan sangat tinggi dengan min 4.13 (S.P = 0.64). Dapatan kajian juga menunjukkan pentadbir mencapai tahap tinggi bagi merancang, menyusun atur, melaksana dan mengawal dengan nilai min 4.04 (S.P = 0.67) bagi merancang, 4.19 (S.P = 0.60) bagi menyusun atur, 4.12 (S.P = 0.65) bagi melaksana, dan min 4.16 (S.P = 0.65) bagi mengawal. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Nor Aslah (2013), Abu Bakar (2013) dan Norazlinda (2014) yang menunjukkan pentadbir yang prihatin dengan murid yang pelbagai status sosio ekonomi, budaya dan tahap pencapaian serta bijak membuat perancangan untuk mengurus murid berprestasi rendah akademik secara efektif sering kali dinilai sebagai pengurus yang baik dan diletakkan pada tahap yang tinggi oleh orang bawahan.

JADUAL 1. Tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir

| Demensi                                   | Min         | SP          | Tahap         |
|-------------------------------------------|-------------|-------------|---------------|
| Merancang                                 | 4.04        | 0.67        | Tinggi        |
| Menyusun atur                             | 4.19        | 0.60        | Tinggi        |
| Melaksana                                 | 4.12        | 0.65        | Tinggi        |
| Mengawal                                  | 4.16        | 0.65        | Tinggi        |
| <b>Amalan pengurusan program akademik</b> | <b>4.13</b> | <b>0.64</b> | <b>Tinggi</b> |

Seterus bagi objektif untuk mengenal pasti tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik, hasil analisis adalah seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik

| Dimensi                                              | Min  | SP   | Tahap  |
|------------------------------------------------------|------|------|--------|
| Kognitif                                             | 3.83 | 0.58 | Tinggi |
| Afektif                                              | 3.95 | 0.54 | Tinggi |
| Konatif (Kemahiran komunikasi)                       | 3.85 | 0.59 | Tinggi |
| Tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik | 3.88 | 0.57 | Tinggi |

Dapatan kajian ini menunjukkan secara keseluruhan murid berprestasi rendah akademik di SABK telah mencapai tahap perkembangan yang tinggi tetapi bukan sangat tinggi dengan nilai min 3.88 (S.P= 0.57). Dapatan berdasarkan domain yang diukur juga menunjukkan murid mencapai tahap tinggi bagi kesemua domain iaitu kognitif dengan min 3.83 (S.P= 0.57), afektif dengan min 3.95 (S.P= 0.54), dan konatif dengan nilai min 3.85 (S.P= 0.59). Dapatan kajian ini tidak sama dengan dapatan kajian Anuar dan Nelson 2015) dan Norlia (2017) yang menyatakan kebanyakan murid berprestasi rendah akademik kurang berminat dalam pelajaran serta tiada motivasi belajar disebabkan status sosio ekonomi yang rendah. Dapatan ini menunjukkan walaupun berprestasi rendah akademik, murid masih

mampu mencapai tahap yang tinggi walaupun bukan sangat tinggi bagi kesemua domain iaitu kognitif, afektif dan konatif (kemahiran komunikasi).

Bagi objektif ke tiga iaitu untuk menguji hubungan antara tahap pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir dengan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik, dapatan ditunjukkan dalam Jadual 3. Dapatan juga adalah bagi menguji hipotesis nul,  $H_0$  "Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir dengan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik".

JADUAL 3. Hubungan antara amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir dengan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik

|                                    | Tahap perkembangan murid<br>berprestasi rendah akademik |           |
|------------------------------------|---------------------------------------------------------|-----------|
|                                    | r                                                       | Sig.<br>p |
| Amalan pengurusan program akademik | 0.368**                                                 | .000      |

\*\*  $p < 0.01$

Interpretasi bagi kekuatan hubungan antara pembolehubah adalah berdasarkan Jackson (2006) iaitu nilai correlation coefficient (r) -0.70 hingga -1.00 bermakna hubungan negatif yang kuat, -0.30 hingga -0.69 bermakna hubungan negatif yang sederhana, -0.00 hingga -.29 bermakna hubungan negatif yang lemah, +0.00 hingga +.29 bermakna hubungan positif yang lemah, +0.30 hingga +0.69 bermakna hubungan positif yang sederhana, +0.70 hingga +1.00 bermakna hubungan positif yang kuat. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana kuat antara amalan pengurusan program akademik pentadbir dengan tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik ( $r = 0.368$ ,  $p < 0.01$ ). Dengan itu, hipotesis nul,  $H_0$  yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan pengurusan program akademik pentadbir dengan tahap perkembangan akademik murid berprestasi rendah akademik ditolak.

Oleh kerana hubungan kedua-dua pemboleh ubah adalah positif, maka dapat disimpulkan bahawa semakin baik amalan pengurusan program akademik oleh pentadbir, maka semakin tinggi tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Nor Aslah (2013) dan Khaliza et al. (2016) yang menunjukkan pentadbir yang mampu mengorganisasikan pengetahuan guru dan mengurus tadbir sekolah dengan baik akan dapat meningkatkan prestasi akademik murid. Keempat-empat kajian juga menunjukkan peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah termasuk pentadbir dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran mampu melonjakkan prestasi pencapaian murid. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Abu Bakar (2013) yang menunjukkan pentadbir yang bijak memilih strategi yang sesuai dalam menangani permasalahan murid yang pelbagai status sosioekonomi dan budaya akan berjaya juga menangani masalah murid berprestasi rendah akademik secara efektif. Menurut Mary Yap (2011), tindakan pentadbir meraikan kejayaan murid adalah juga sebahagian daripada amalan pentadbir sebagai memberi galakan untuk meningkatkan perkembangan murid.

## Kesimpulan

Tujuan kajian ini iaitu untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan program akademik dalam kalangan pentadbir, tahap perkembangan murid rendah pencapaian akademik di

SABK dan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah telah tercapai dengan hasil kajian yang menunjukkan tahap amalan pengurusan program akademik pentadbir berada pada tahap yang tinggi. Tahap perkembangan murid berprestasi rendah akademik juga adalah tinggi. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan iaitu positif pada tahap yang sederhana positif antara amalan pengurusan program akademik pentadbir dengan perkembangan murid berprestasi rendah akademik. Hasil dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan matlamat anjakan kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu bagi memastikan pentadbir sekolah yang berprestasi tinggi ditempatkan ke sekolah. Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga dapat memberikan maklumat tambahan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat penambahbaikan dalam meningkatkan tahap amalan pengurusan program akademik pentadbir dan perkembangan pencapaian murid berprestasi rendah akademik.

Kajian ini juga menyimpulkan bahawa amalan pengurusan program akademik yang cemerlang dalam kalangan pentadbir dapat meningkatkan pencapaian akademik murid yang berprestasi rendah. Namun kajian ini tidak dapat menjelaskan apakah amalan pentadbir yang paling signifikan untuk meningkatkan perkembangan murid berprestasi rendah akademik, maka adalah dicadangkan agar penyelidikan masa hadapan berfokus kepada ciri-ciri, strategi, kaedah dan teknik bimbingan yang berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik sekolah. Akhirnya, kajian lanjutan perlu dijalankan di negeri-negeri lain atau di seluruh Malaysia agar dapatan kajian lebih menyeluruh dan dapat digeneralisasikan kepada seluruh murid SABK yang berprestasi rendah akademik di Malaysia.

## Referensi

- Abdul Halim, A. 1999. *Ke arah kecermelangan dan kesejahteraan perkhidmatan awam di alaf baru*. Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Abu Bakar, N. 2013. Kurikulum ke Arah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1), 10–18.
- Abudin Nata. 2016. *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta Timur: Prenada Media.
- Ahmad Kilani, M. 2003. *Pengurusan pendidikan di sekolah huraian menurut perspektif Islam*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Anuar, A., & Nelson, J. 2015. Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 3(2), 1–11.
- Azmi bin Zakaria, A. Z. bin M. 2018. *Peranan Guru Besar Dalam Pengurusan Kokurikulum Daripada Perspektif Guru Penasihat Kokurikulum*. (December), 80–94.
- Baharudin, R., & Nayan, N. 2015. Penilaian kejayaan pelaksanaan sistem pengurusan maklumat pendidikan (EMIS) di sekolah. *Journal of ICT in Education*, 2(1), 78–89.
- Barni, D., Ranieri, S., Donato, S., Tagliabue, S., & Scabini, E. 2017. Personal and family sources of parents' socialization values: A multilevel study. *Avances En Psicología Latinoamericana*, 35(1), 22.  
<https://doi.org/10.12804/revistas.urosario.edu.co/apl/a.3468>
- Bustang, B., Kadir, A., & Azahan, A. 2020. Komitmen dalam pengurusan kualiti di sekolah: Konsep dan kerelevanannya. *Akademika*, 90(3), 71–83.
- Creswell, J.W. 2014. *Research design. 4<sup>th</sup> ed*. Thousands Oaks, California: Sage Publications.
- Crow, L. D. dan Crow, L. 1988. *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. (terjemahan: Habibah Elias). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Christina Andin, Rosmiza Mohd Zainol, Wong Hock Chuo, R. H. (2019). Minat Murid Berpencapaian Rendah Terhadap Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20, 156–170.
- Esmali, B. 2017. *Dasar penempatan-pertukaran, kompetensi dan tanggungan tugas dalam perkhidmatan guru*. Universiti Malaya.
- Eysenck, H. J. 1972. *Conditioning, introversion, extraversion and the strength of the nervous system in V. D. Nebylison and J. A. Grey (eds)*, Biological Bases of Individual Behaviour. New York: Academic Press
- Fayol, Hendry, 2013. Pengantar Administrasi dan fungsi-fungsi manajemen. <http://PengantarAdministrasi-danfungsifungsimanajemen.htm> Diakses tanggal 2 Maret 2014.
- Fishbein, M. & Ajzen, I, 1975. *Belief, Attitude, Intention and Behavior. An Introduction to Theory and Research*, Addison Wesley, Reading, MA.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: amalan dan analisis kajian. Ed-ke 2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- George R. Terry, 1992. *The Principles of Management*. Illinois: Irwin, Inc
- Idris, N., & Hamzah, R. (2012). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 60.
- Jaafar Muhammad, 1998. *Asas Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Jahidin, N., Ismail, Z., & Abdul Aziz, A, 2018. Modul PAK 21 PPD Petaling Utama: Penjana Peningkatan Prestasi Akademik dalam Kalangan Murid Orang Asli. *Proceedings of International Conference on The Future of Education IConFed) 2018*.
- Kasim, M. A. B. M., Ismail, S. N., Mohammad, S., & Ibrahim, H, 2017. Iklim Sekolah Dan Komitmen Guru Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Sabk) Negeri Kelantan. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 699–708. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.543>
- Kaviza, M, 2018. Pengalaman Mengajar Atau Latihan Profesional Guru Dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences (EJOSS)*, 4(1), 40–47.
- Khaliza, S., Mohd Hassani, D., & Abdul Said, A, 2016. Peranan guru cemerlang Malaysia di sekolah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 24, 161–177.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30 (3): 607 – 610.
- Kuebler, R.R. & Smith, Jr. H. 1976. *Statistics: a beginning*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohamad Khairi, O., Mohd Zailani, M. Y., Alis, P., & Nurfasihah, R. (2017). Permasalahan dan cabaran guru dalam membentuk nilai pelajar di sekolah menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*, 4(1), 1–10.
- Mohamad, M. (2016). *Di Sekolah Agama Mua' Azam Bin Mohamad*.
- Mohd Hanif, M. Z., Syarifah Sofia, A. R., Norhazwani, H., & Azlin Norhaini, M. (2015). Profil Tret Personaliti Pengetua Cemerlang Dalam Pengurusan Dan Pentadbiran Sekolah. In *ASEAN Comparative Education Research Conference*. Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohd. Majid Konting. 1994. Kaedah penyelidikan pendidikan. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azmah, N. Y. 2007. *Nik\_Azmah.pdf*.
- Nor Aslah binti Aris. 2013. *Kepimpinan pengajaran guru besar di daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norashikin, A. B. 2016. *Hubungan kepimpinan pengajaran pengetua dan kepimpinan guru dengan prestasi akademik sekolah menengah di Johor*. Universiti Putra Malaysia.

- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, & Fooi, F. S. (2017). Hubungan kepemimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar di Sibu, Sarawak. *Management Research Journal*, 6(1), 176–190.
- Norazlinda, S., & Surendran, S, 2014. Galakan pengetua dalam membuat keputusan dengan komitmen guru di sekolah menengah kebangsaan berprestasi rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2), 15–23.
- Norlia, H. (2017). *Sikap, norma, subjektif dan persepsi mengamalkan adab belajar dalam pelaksanaan latihan hijrah pelajar sekolah berasrama penuh*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nugroho, H. R., Susilo, H., & Iqbal, M, 2016. *Pengaruh Job Burnout dan Kepuasan Kerja Melalui Komitmen Organisasi Terhadap Kinerja Karyawan*, 37(2), 173–182.
- Nurdin Setiadi, 1983. *Kegelisahan Batin dan Kebebasan Manusia*.
- Omardin Ashaari, 2002. *Pengurusan Sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Pallant, J. 2001. *A step by step guide to data analysis using spss for windows (version 12)*. Buckingham: Open University Press.
- Rosnah, I., & Muhammad Faizal, A. G, 2013. *Amalan pembelajaran kolektif dalam kalangan guru sekolah berprestasi tinggi di Malaysia*. 3(1), 27–34.
- Sebastian, J., & Allensworth, E, 2012. *The Influence of Principal Leadership on Classroom Instruction and Student Learning: A Study of Mediated Pathways to Learning*. *Educational Administration Quarterly*, 48(4).
- Sekaran, U. 2003. *Research methods for business: a skill-building approach*. Ed. ke-4. New York: John Wiley and Sons.
- Slameto, 1988. *Belajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Sumadi Suryabrata, 1988. *Metodologi Penelitian*, CV. Rajawali, Jakarta.
- Sukarna, 2011. *Dasar-Dasar Manajemen*. Bandung: CV. Mandar Maju
- Sukirin, 1986. *Psikolog Pendidikan*. Yogyakarta: FIP IKIP
- Stoner, J.A., Freeman, R.E., & Gilbert, D.R, 1995. *Pengurusan* (6th Ed.). Terjemahan oleh Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Stoner, J.A., & Wankel, C. (1989). *Pengurusan* (Edisi ke-3). Petaling Jaya: Amiza.
- Tabachnick B.G. & Fidell L.S. 2001. *Using multivariate statistics*. Boston, M.A.: Allyn & Bacon.
- The Liang Gie, 1981. *Ilmu Politik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Walgito, Bimo, 1981. *Bimbingan dan Prestasi di Sekolah*. Yogyakarta: FIP-IKIP
- Witherington, H. C, 1986. *Psikologi pendidikan*. penerj. Buchairi Jakarta: Aksara Baru
- Winkel, W.S, 1998. *Psikologi Pengajaran*. Jakarta: Pt Grademia Widiasarana.
- Woodworth, R.S. and Marquis, D.G, 1957. *Psychology*. Henry Holt and Company, New York.
- Yaakob, D., & Yahya, D, 2012. Budaya Sekolah, Kepemimpinan Transformasional dan Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 111–139. <https://doi.org/10.32890/mjli.9.2012.7639>
- Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud, & Saiful Azmi Mohd Noor, 2016. Pengurusan kurikulum dan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum di sekolah menengah kebangsaan daerah kuala terengganu. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 1(October), 891–900.